

Ingatan PM pada pegawai2 tinggi

# Kemajuan negara bergantung pentadbiran yang cekap

MM 24 JAN 1988

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pegawai - pegawai tinggi perkhidmatan awam supaya menyedari hakikat bahawa kemajuan atau kemunduran sesebuah negara itu banyak bergantung kepada pentadbiran yang cekap.

Perdana Menteri menegaskan bahawa mereka hendaklah memberi perhatian sepenuhnya terhadap sumbangan untuk membina negara ke suatu tahap kemajuan yang lebih pesat lagi.

Katanya, "tanpa pentadbiran yang baik adalah mustahil sesebuah negara itu boleh maju, walaupun negaranya kaya dan rakyatnya pandai - pandai."

Beliau mengingatkan demikian dalam ucapannya sebelum mengadakan majlis dialog tertutup dengan lebih 150 orang pegawai tinggi Kerajaan Persekutuan dan negeri termasuk ketua - ketua jabatan, setiausaha - setiausaha kerajaan negeri seluruh negara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Selepas amanat tersebut, Perdana Menteri telah berdialog secara tertutup selama lebih dua setengah jam dengan para anggota perkhidmatan awam yang banyak menyentuh dasar - dasar baru kerajaan dan pelaksanaannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, setiap anggota perkhidmatan awam juga perlu memberi perkhidmatan yang cemerlang dan cekap sehingga tidak ada perkara - perkara yang boleh menghalang pelaksanaan dan pentadbiran untuk memajukan negara.

"Kalau kita dapat mendirikan pentadbiran yang begitu cekap sehingga segala rancangan dan projek - projek mencapai kejayaan, maka negara kita akan bangun dengan pesat, manakala ini sudah tentu membawa kepuasan kepada hati kita," ujarnya.

Menurutnya, inilah ganjaran yang sebesar - besarnya bagi setiap perkhidmatan awam yang mana dengan mendapat kejayaan besar, sudah tentu negara ini akan dihargai oleh negara - negara lain.

Beliau menegaskan, para anggota perkhidmatan awam harus menyemaikan perasaan mereka supaya sayangkan negara dan tidak mahu ia dihinakan oleh sesiapa.

"Sikap seumpama ini adalah untuk memastikan bahawa tidak ada sesiapa boleh berkata Malaysia adalah sebuah negara yang tidak maju," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kalau anggota - anggota perkhidmatan awam itu cekap dari segi pentadbiran, kalau negara itu begitu kaya dan maju, begitu bersih, cantik, sanggup bersaing dan sanggup mencapai kejayaan serta meningkatkan kepercayaan, maka asas - asas ini boleh memberi kemajuan kepada bangsa dan negara.

Menurut beliau, banyak negara yang dulunya sedang membangun seperti Taiwan, Korea dan Singapura kini telah berlumba - lumba untuk meningkatkan kemajuan negara masing - masing untuk menjadi sebuah negara yang lebih maju lagi.

"Negara - negara ini berjaya mentadbirkan negara mereka dengan lebih cekap sehingga negara mereka sudah menjadi sebuah negara perindustrian baru, bahkan ada pihak yang mengatakan mereka sudah maju dengan pendapatan yang lebih tinggi berbanding dengan setengah - setengah negara maju di dunia," ujar beliau.

Perdana Menteri menegaskan, seseorang anggota perkhidmatan awam tidak harus mempersoalkan apakah sumbangan yang telah diberikan oleh rakan - rakan mereka tanpa menganalisa diri sendiri.

"Kalau kita membuat soalan begini sampai bila pun tidak ada sesiapa yang akan bermula kerana menunggu seperti ini akan membawa kepada kemunduran dan ketinggalan," tegasnya lagi.

Katanya, terdapat juga setengah pihak yang suka melihat kelemahan orang lain dan membuat berbagai tuduhan bahawa perkhidmatan awam tidak cekap, mendapat halangan daripada ahli - ahli politik atau swasta.

Pihak swasta pula, katanya lagi berkata mendapat halangan daripada kesatuan - kesatuan sekerja dan kesatuan sekerja pula menyatakan mendapat halangan daripada majikan.

Menurut beliau, sekiranya perkara - perkara ini berterusan, tanpa memperbetulkan kelemahan diri sendiri lambat laun, kemajuan yang diharapkan akan keciciran.